

Pingat emas pasti milik saya—Marcel

B. Minggu (M)

29 NOV 1987

PINGAT perak bukan impiannya dan kejohanan di Vienna, Austria, memaksa Marcel Copini dari Belanda, menggandakan latihan bagi memastikan dia tidak kecundang memenangi pingat emas.

Pesilat berusia 21 tahun yang bertanding bagi Kelas 75-80kg itu, berkata dia belum begitu berpengalaman ketika bertanding di Vienna dan berpuas hati dengan pencapaian pingat perak. *PINILAT / FILAT*

"Saya akan pastikan kali ini yang pingat emas tidak terlepas ke tangan pesilat lain.

"Saya lebih bersedia kali ini dan percaya persaingan lebih hebat pasti diterima daripada pesilat Indonesia dan Malaysia," katanya.

Marcel membabitkan diri dengan silat olahraga setelah diperkenalkan oleh abangnya Alex Copini. Alex adalah jurulatih kebangsaan pesilat Belanda yang akan menghadapi kejohanan kali ini.

Kuala Lumpur jadi 'jambatan budaya'

B. Minggu (M)

29 NOV 1987

KEJUARAAN Silat Sedunia akan menjadikan Kuala Lumpur 'jambatan budaya' yang memberangsangkan persahabatan dan meletakkan Malaysia di tempat wajar dalam dunia persilatan antarabangsa. *PINILAT / FILAT*

Pengerusi kejuaraan, Aziz Deraman, memberitahu sebagai tuan rumah, Malaysia bertanggungjawab untuk meningkatkan seni silat rantau ini ke peringkat dunia.

Kejuaraan kali ini membabitkan 300 pesilat dari seluruh dunia. Indonesia, juara dalam tiga kejohanan lalu, yang menghantar 75 pesilat dan penyokong, akan berusaha mengekalkan pencapaiannya. Manakala Malaysia sebagai tuan rumah akan mengadakan dua pasukan, diwakili oleh 45 pesilat untuk mengetuai cabaran negara dan mencatat kejayaan yang lebih cemerlang.

"Kejuaraan ini buat kali pertama mengabungkan beberapa acara penting iaitu pertandingan silat olahraga, pertandingan seni silat dan seminar silat," kata Aziz.

Menurutnya, selain itu pameran silat, selingan seni silat dan pelancaran buku 'Silat Olahraga' akan turut diadakan bagi menarik minat generasi muda untuk kembali menghayati seni silat.

"Selain Malaysia, selingan seni silat akan turut dipersembahkan oleh negara-negara seperti Indonesia, Sepanyol, Great Britain, Singapura, Belanda dan Australia," tambah Aziz.

Sementara itu, beliau menerima cek \$30,000 sumbangan Sports Toto, untuk melicinkan lagi program yang akan dijalankan.

Kejuaraan kali ini adalah anjuran bersama Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka), Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (Persilat) dan *Berita Harian Sdn Bhd*.

BAHAGIAN SENI

30 NOV 1987

Saingan hebat pasukan negara

B. Harlan (M)

PASUKAN silat bahagian seni negara, bukan sahaja akan menghadapi saingan hebat daripada pencabar utama, Indonesia, malah Belanda, Sepanyol dan Britain yang tidak kurang hebat itu. *PENCAK / FILAT*

Menurut pengurus pasukannya, Mohd Shafie Mohd Daya, skuad negara tidak boleh memandang remah kemampuan peserta-peserta Eropah dalam acara ini.

"Mereka mempunyai jurulatih khas yang berpengalaman, melatih mereka seni silat Melayu yang tinggi mutunya.

"Pesilat-pesilat Britain misalnya, mereka menerima latihan daripada pesilat negara kita, Razak Othman. Pesilat-pesilat ini mempunyai peluang cerah merebut pingat-pingat dan piala yang dipertandingkan dalam kejohanan kali ini," kata Shafie.

Bagaimanapun, pesilat-pesilat negara bersedia menghadapi sebarang cabaran daripada pencabar.

"Kami membuat persiapan rapi, kami hanya berdoa dan berusaha menjadi juara pertama merebut Piala Pendekar," ujarnya.

Shafie memberitahu, pesilat-pesilat negara akan berusaha mencatat sebagai pemegang pertama piala itu.

Jika dalam kejuaraan-kejuaraan lalu, acara ini hanya diadakan sebagai acara selingan, tetapi kali ini, sebarang piala pusingan piala

sembahkan seni silat yang bermutu tinggi.

"Buat pertama kali, lima pingat emas, lima perak dan lima gangsa dipertandingkan.

"Acara ini menjadi semakin penting, kerana juara acara ini akan membantu pasukan mereka merebut piala keseluruhan iaitu Piala Hang Tuah," kata Shafie.

Malaysia menyenaraikan dua pasukan bertanding dalam acara ini.

Malaysia A, diwakili oleh Abdul Rahman Ismail (tari silat), Rasul Haji Abdul Ghani, Kamsul Kamal Kadir (bela diri, tangan kosong), Johari Jantan dan Haji Rashid Regal (senjata).

Manakala Malaysia B...